

SUNDAY, 15 JANUARY 2012

UTUSAN ONLINE

MyKasih bantu hampir 650 keluarga miskin



TEMERLOH 15 Jan - Yayasan MyKasih yang diasaskan tiga tahun lalu kini telah membantu hampir 650 keluarga miskin di negeri ini terutama dari segi bantuan pendidikan dan makanan.

Pengasasnya, Ngau Boon Keat berkata, Yayasan MyKasih yang menggunakan teknologi Mykad menjamin setiap sumbangan sampai kepada penerima, sekali gus memberi keyakinan kepada penderma untuk menyokong program berkenaan.

Menurutnya, program MyKasih bukan sahaja memberi bantuan makanan malah, keluarga penerima di seluruh negara juga akan terlibat dalam program latihan seperti kelas kemahiran dan kelas tambahan.

"Ia bertujuan memberi peluang pekerjaan dan mendorong anak-anak keluarga penerima untuk terus belajar walaupun dalam keadaan keluarga mereka susah," katanya kepada pemberita selepas perasmian program MyKasih di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Khee Chee di sini semalam.

Boon Keat yang berasal dari Temerloh berkata, beliau amat berbangga apabila inovasi yang diperkenalkan dalam pengurusan bantuan kebajikan menerusi penggunaan MyKad dapat memastikan semua bantuan daripada penderma sampai sepenuhnya kepada penerima.

"Kami sedia maklum bantuan berupa makanan sahaja tidak menjamin membantu keluarga penerima mengatasi kemiskinan untuk jangka masa panjang, sebab itu kami turut tekankan bantuan pendidikan kepada mereka.

"Bantuan ini diberikan dengan setiap keluarga menerima bantuan kewangan RM40 setiap dua minggu selama dua tahun.

"Kriteria mereka yang layak menerima bantuan dipilih dan dicadangkan oleh banyak pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak sekolah yang akhirnya akan ditapis Kelab Lion dan Rotary sebelum diluluskan permohonan mereka," katanya.